PROSES PENGECOPAN POKOK DALAM HUTAN DAN PENYUKATAN BALAK DI MATAU

MULA



Pemohon menghadapkan Borang JPH8A/2018 yang sudah diisikan kepada Ketua Cawangan

Pegawai cawangan mengisikan keterangan status balak dalam borang di Bahagian (B)(I).

Borang dihantar ke pejabat UPP di Ibu Pejabat Perhutanan

Menghubungi pemohon untuk ke Ibu Pejabat bagi membuat pembayaran yuran perkhidmatan $50.00.

Pemohon mengambil semula borang dan membuat pembayaran di kaunter kewangan.

Memastikan Syarikat Kilang Papan masih mempunyai wang pendahuluan (pre-payment)ada dalam simpanan Unit Kewangan JPH tidak kurang dari $5,000.00 (Royalty) dan $2,500.00 (Cess Rate). Permohonan hanya diproses jika tunggakan tuntutan cukai/ suspen akaun/ premium/ sewa tapak sudah dijelaskan.

Borang permohonan dihadapkan semula ke kaunter UPP dengan meyertakan salinan resit pembayaran.

Ketua Unit / Ketua Bahagian akan mempertimbangkan untuk sokongan lanjut ke ataspermohonan.

Permohonan dihadapkan kepada Direktorat untuk kebenaran dan pengesahan.

Permohonan yang diluluskan akan diambil tindakan lanjut untuk proses di lapangan (konsesi hutan) bagi pengecopan sebanyak 100 pokok yang dipohonkan.

Pemilihan pokok dilakukan dalam konsesi hutan berdasarkan kemahiran Pengenalan Spesies Pokok dan garispandu had sukatan perepang pokok dilakukan (Pokok pasaran minima 58 centimeter dan minima 48 centimeter bagi bukan pasaran) dan dicatit ke dalam buku catitan

Penandaan pokok dibuat dengan menandakan nombor pada banir dan pada batang pohon pokok.Pokok dicop pada bahagian banir dan bahagian dan bahagian batang pohon pokok

Penebangan dan penarikan balak ke matau dijalankan setelah penandaan pokok dilakukan.

Sebelum balak diangkat dan di hantar ke kilang papan, balak akan disukat di matau bagi mendapatkan isi padu dan ditanda dengan nombor berlari (menggunakan tukul nombor) bagi direkodkan dalam buku catitan Log Book.

Laporan senarai balak dari 100 pokok disahkan oleh Ketua Cawangan sebelum dihadapkan ke Ibu Pejabat

Membuat pengesahan terhadap laporan sebagai rujukan bagitindakan lanjut.

TAMAT